



**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
MENARA MPKj
JALAN CEMPAKA PUTIH
OFF JALAN SEMENYIH
43000 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN**

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

No. Tender	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj T 1/2021	Cadangan Menaiktaraf Astaka Stadium Kajang, Di Atas Sebahagian Lot 51002, Seksyen 8, Bandar Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Majlis Perbandaran Kajang	CIDB G4	B04 & CE21	RM300.00	31 Mac 2021 Hingga 21 April 2021

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

Dokumen Meja Terkawal boleh disemak di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my>

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup tender. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **31 MAC 2021 HINGGA 21 APRIL 2021**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Kajang, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **SEBELUM atau PADA 21 APRIL 2021 (RABU) JAM 12.00 TENGAHARI**. Jika Dokumen Tawaran tidak diserahkan dengan tangan, Petender hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan **POS** supaya tiba pada atau sebelum masa yang ditetapkan di alamat **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang (Peti Sebutharga/ Tender), Tingkat 6A, Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000, Kajang Selangor Darul Ehsan**.

Petender diminta untuk mendapatkan kebenaran dari pihak berwajib bagi urusan rentas negeri atau daerah dan ditunjukkan semasa sekatan jalan raya sekiranya perlu. Pihak tuan/puan digalakkan untuk menghantar Dokumen Tawaran seawal lima (5) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran seperti memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar Dokumen Tawaran secara berkumpulan.

LAWATAN TAPAK

Petender adalah **DIGALAKKAN** untuk hadir lawatan tapak seperti ketetapan berikut:
(Lawatan Tapak Dilaksanakan Secara Temujanji)

Tarikh : 30 Mac 2021 sehingga 13 April 2021
Tempat : Astaka Stadium Kajang
Pegawai Terlibat : En. Mohd Haizel Bin Hashim (Penolong Pegawai Senibina)
Untuk Lawatan Tapak : 019-2469591

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Petender dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan tender bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan tender disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan. Petender perlu membuat temujanji terlebih dahulu untuk hadir lawatan tapak pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan sahaja.

Hanya Pemilik / Penama Sahaja Diwajibkan untuk hadir lawatan tapak. Sila bawa bersama Sijil Asal Pendaftaran.

Petender dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi Prosedur Standard Operasi (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) semasa menghadiri lawatan tapak seperti memastikan penjarakan fizikal, penggunaan 'hand sanitizer' dan pemakaian pelitup muka.